ชุดที๐.pdf

ชุดที๑.pdf

ชุดที๒.pdf

ชุดที๓.pdf

ชุดที๔.pdf

ชุดที๕.pdf

ชุดที๖.pdf

ชุดที๗.pdf

ชุดที๘.pdf

ชุดที๙.pdf

BUKU PANDUAN

ภาษามลายู
เพื่อการสื่อสาร
BAHASA MELAYU
UNTUK
BERKOMUNIKASI

PROGRAM BAHASA MELAYU

JABATAN SAINS KEMANUSIAAN

FAKULTI SAINS KEMANUSIAN DAN SOSIAL

UNIVERSITI RAJABHAT YALA

UNIT I

Sistem Ejaan dalam Bahasa Melayu

1.1 Klasifikasi Bunyi Bahasa

Bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu bunyi vokal, diftong dan bunyi konsonan.

1.1.1 Vokal (สระ)

Bunyi vokal ialah bunyi yang dihasilkan melalui pergerakan lidah dan ruang udara dibuka bebas dengan getaran pita suara (Phaitoon. 2008:37). Bunyi vokal juga adalah bunyi bersuara, iaitu ketika menghasilkan bunyi tersebut digetarkan. Klasifikasi vokal ditentukan dengan kedudukan lidah dan bentuk bibir. Ini melibatkan rongga mulut semasa melafazkannya. Bentuk bibir dan saiz rongga mulut ini menentukan sama ada bunyi vokal yang dilafazkan dalam keadaan terbuka, separuh terbuka separuh sempit atau pun luas. Kedudukan lidah menentukan vokal depan, belakang atau tengah. Manakala bentuk bibir dan saiz rongga mulut pula menentukan jenis vokal.

1.1.2 Konsonan (พยัญชนะ)

Bunyi konsonan ialah bunyi yang dihasilkan melalui proses pergerakan organ di dalam rongga mulut dengan pemaksaan udara sama ada pita suara digetarkan atau tidak (Phaitoon. 2008:37). Terdapat dua jenis bunyi konsonan, iaitu 19 konsonan asli dan 8 konsonan pinjaman.

a) Konsonan asli

p,	b,	t,	d,	k,	g,	k,	c,	j,	s,
h,	r,	m,		n,	ny,	ng,	l,	w,	y

b) Konsonan Pinjaman

f, v, th, dh, z, sy, kh, gh

Berikut adalah contoh konsonan pinjaman dan sumber pinjamannya:

No.	Huruf Arab	Huruf	Perkataan	Tengah Perkataan	Akhir Perkataan	Sumber Pinjaman
1.	ف	f	fikir	tafsir	maaf	Arab
2.	ڤ	v	vot	novel	-	Inggeris
3.	ش	sy	syarat (sharat)	mesyuarat (meshuarat)	skuasy (skuash)	Arab/ Inggeris
4.	ض	d	darab (dharab)	kadi (kadhi)	haid	Arab
5.	ز	z	zaman	lazat (ladzat)	lafaz	Arab
6.	خ	kh	khabar	akhir	tarikh	Arab
7.	غ	gh	ghaib	loghat	baligh	Arab
8.	ث	Th (s)	selasa (thalatha)	misal (mithal)	bahas (bahath)	Arab

1.1.3 Diftong

Bunyi diftong adalah bunyi geluncuran. Bunyi ini dihasilkan dengan geluncuran dua bunyi vokal, iaitu dari satu bunyi vokal yang pertama menggeluncur ke bunyi vokal yang kedua. Ini bererti ada dua bunyi vokal yang dibunyikan secara berturut-turut. Sungguhpun begitu, lafaz bunyi vokal yang pertama lebih lantang berbanding dengan bunyi vokal yang kedua. Keadaan ini berlaku kerana bunyi yang dikeluarkan mengeluncur dari bunyi yang pertama kepada bunyi yang kedua. Dalam keadaan begini kelantangan bunyi vokal ini menjadi semakin lemah kelantangannya. Bunyi ini dilambangkan dengan dua lambang vokal. Yang pertama menunjukkan keadaan lidah semasa mula melafazkan bunyi vokal yang pertama. Manakala vokal kedua menunjukkan keadaan lidah di akhir sebutan.

Bahasa Melayu mempunyai tiga bunyi diftong, iaitu [ai], [oi] dan [au], seperti:

a) ai (อาย)

santai	hurai	sampai
pantai	misai	hairan

b) oi (โอย)

amboi	sekoi	boikot
kaloi		

c) au (อาว)

pulau	engkau	kalau
beliau	kerbau	hijau

2.1 Huruf Vokal dalam Bahasa Melayu

Huruf vokal dalam bahasa Melayu terdiri daripada 6 bunyi seperti berikut:

Fonem	**Huruf Kecil**	**Huruf Besar**	**Sebutan dalam Bahasa Thai**
/a/	a	A	อา
/e/	e	E	เอ
/ə/	e	E	เ-อ
/i/	i	I	อี
/o/	o	O	โอ
/u/	u	U	อู

2.2 Huruf Konsonan Dalam Bahasa Melayu

Huruf konsonan dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu konsonan tunggal dan deretan konsonan satu bunyi.

2.2.1 Konsonan Tunggal (อักษรพยัญชนะรูปเดียว)

อักษรตัวเขียน		Simbol	ชื่อตัวอักษร	
อักษรใหญ่	อักษรเล็ก	IPA	ชื่อแบบมาเลเซีย	ชื่อแบบอินโดนีเซีย
B	b	/b/	บี	เบ
C	c	/tʃ/	สี	เส
D	d	/d/	ดี	เด
F	f	/f/	เอ็ฟ	เอ็ฟ
G	g	/g/	ยี	เฆ
H	h	/h/	เอ็จ	ฮา
J	j	/dʒ/	เย	เญ
K	k	/k/	เก	กา
L	l	/l/	เอล	เอ็ล
M	m	/m/	เอ็ม	เอ็ม
N	n	/n/	เอ็น	เอ็น
P	p	/p/	ปี	เป
Q	q	/q/	กิว	กี
R	r	/r/	อัร	เอิร
S	s	/s/	เอ็ส	เอ็ส
T	t	/t/	ตี	เต
V	v	/v/	วี	เฟ
W	w	/w/	ดับบลิว	เว
X	x	/x/	เอ็กส	เอ็กส
Y	y	/j/	วาย	เอ
Z	z	/z/	เซ็ต	เซ็ต

2.1.2 Deretan Konsonan Satu Bunyi (อักษรพยัญชนะรูปคู่)

อักษรตัวเขียน		Simbol IPA	อักษรตัวพิมพ์		ชื่อตัวอักษร	
อักษรใหญ่	อักษรเล็ก		อักษรใหญ่	อักษรเล็ก	ชื่อแบบมาเลเซีย	ชื่อแบบอินโดนีเซีย
Gh	gh	/ɣ/	Gh	gh	ยี. - เอ็จ	เฆ – ฮา
Kh	kh	/x/	Kh	kh	เก – เอ็จ	กา – ฮา
Ng	ng	/ŋ/	Ng	ng	เอ็น – ยี.	เอ็น – เง
Ny	ny	/ɲ/	Ny	ny	เอ็น – วาย	เอ็น – เอ
Sy	sy	/ʃ/	Sy	sy	เอ็ส – วาย	เอ็ส – เอ

2.3 Kepentingan Bahasa Melayu

- Bahasa ibunda
  - Lambang dan identiti Melayu yang mesti bertahan dalam membina kedaulatan sesebuah masyarakat.

- Bahasa lingua franca
  - Pada masa kegemilangan zaman kerajaan Melaka sampai Sekarang.
  - Sebagai bahasa perantaraan di seluruh kepulauan Melayu seperti Indonesia, Malaysia, Brunei, Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Pulau Christmas di Australia.

- Bahasa pelancongan
  - Merupakan suatu perantaraan untuk memudahkan berbicara atau perhubungan dengan pelancong (pelancong dan pergi melancong).

- Bahasa pendidikan
  - Menguasai ilmu pengetahuan.
  - Merebut kembali tempat pertama dalam menguasai ilmu pengetahuan.
  - Melayari alam pendidikan dalam masa kini kerana alam pendidikan masa sekarang ádalah bersifat terbuka dan tanpa sempadan.
  - Banyak para cendekiawan dan universiti-universiti terkemuka dan pusat-pusat pengajian tinggi di luar dunia alam Melayu ini menjadikan bahasa Melayu sebagai bahan pembelajaran dan kajian.

- Bahasa pekerjaan
  - Untuk berhubung antara negara.

- Bahasa mengeratkan hubungan
  - Mengeratkan hubungan antara satu individu dengan individu lain, khususnya pada tempat yang menggunakan bahasa Melayu.
  - Hubungan antara bangsa.

- Tekanan antara bangsa
  - Masyarakat sekarang memerlukan penduduknya menguasai pelbangai bahasa.
  - Mengikuti perkembangan teknologi sekarang.

Aktiviti:

I. Bina perkataan baharu menggunakan huruf-huruf yang terdapat di dalam perkataan berikut.

k	e	s	e	l	a
a	n	t	a	m	r

1. ___lama_____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6.

6. _____
7. _____
8. _____
9. _____
10. _____

II. Isikan tempat kosong dengan suku kata yang sesuai:

1. seko_____
2. _____siti
3. kere_____
4. _____yang
5. ro_____
6. _____kus
7. _____rung
8. _____mah
9. bu_____
10. ma_____

III. sila bina ayat berdasarkan perkataan berikut:

1. rumah sakit:_____
2. balai polis:_____
3. universiti:_____
4. masjid:_____
5. imegresyen:_____

UNIT II

Sapaan

2.0 Pendahuluan

การทักทายในภาษามลายูนั้นมีอยู่หลายรูปแบบด้วยกัน ไม่ว่าจะเป็นการทักทายคนที่เพิ่งเจอกันเป็นครั้งแรกหรือทักทายคนที่เรารู้จักเป็นอย่างดีอยู่แล้ว ซึ่งก็อาจจะแบ่งได้อีกว่า ถ้าจะทักทายแบบคนกันเองจะพูดว่าอย่างไร การทักทายแบบเป็นทางการจะพูดว่าอย่างไร

2.1 Sapaan Terhadap Orang yang Tidak Pernah Kenal

การทักทายคนที่เพิ่งจะเคยเจอกันเป็นครั้งแรกพร้อมกับการถามทุกข์สุขและการทำความรู้จักแบบง่ายๆ

A: (Assalamualaikum) Selamat pagi, encik.

อรุณสวัสดิ์ครับ/ สวัสดีครับ

B: (Waalaikumussalam) Selamat pagi.

อรุณสวัสดิ์ครับ/ สวัสดีครับ

A: Apa khabar?

คุณเป็นอย่างไรบ้าง?/สบายดีไหมครับ?

B: Khabar baik, terima kasih.

สบายดีขอบคุณครับ

A. Encik apa khabar?

คุณสบายดีไหม?

B: Baik. Siapa nama anda?

สบายดีครับ คุณชื่ออะไรครับ?

A: Nama saya Wan, anda?

ผมชื่อ วัน ครับ แล้วคุณล่ะชื่ออะไร?

B: Nama saya Fairuz.

ผมชื่อไฟรุส

2.2 Sapaan Terhadap Orang yang Pernah Kenal

Sapaan jenis ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu sapaan terhadap orang yang akrab (secara mesra) dan sapaan terhadap orang yang tidak berapa akrab (secara lebih sopan atau rasmi)

การทักทายคนที่เรารู้จักอยู่แล้วจะแบ่งการทักทายออกเป็นสองรูปแบบคือการทักทายแบบกันเองและการทักทายแบบสุภาพ/เป็นทางการ

2.2.1 Sapaan Secara Mesra (การทักทายแบบกันเอง)

บทสนทนาต่อไปนี้ เป็นการทักทายกัน กับคนที่รู้จักเป็นกันเอง เช่น เพื่อนร่วมห้องเรียน เพื่อนร่วมงาน ญาติพี่น้อง ที่รุ่นราวคราวเดียวกัน พร้อมการถามทุกข์สุข และอีกฝ่ายตอบอย่างตรงไปตรงมา

A: Selamat pagi, Din.	อรุณสวัสดิ์ครับ/ สวัสดีครับ, ดิน
B: Selamat pagi, Isa.	อรุณสวัสดิ์ครับ/ สวัสดีครับ, อีซา
A: Awak apa khabar?	เธอเป็นอย่างไรบ้างครับ?
B. Khabar baik, terima kasih.	สบายดี ขอบคุณครับ
A. Awak macam mana?	แล้วเธอล่ะ
B: Baik/ kurang sihat hari ini.	สบายดี/ ไม่ค่อยสบาย

2.2.2 Sapaan Secara Sopan / Rasmi

การทักทายรูปแบบนี้ ให้ความสำคัญกับการใช้สรรพนามบุรุษที่ 2 เพื่อเน้นความสุภาพในการทักทาย

Sapaan jenis ini mengutamakan penggunaan kata ganti nama yang sesuai dengan orang yang kita ingin menyapa.

A: Selamat pagi, Encik Kamal.	อรุณสวัสดิ์ครับ คุณกามาล
B: Selamat pagi, Encik Danial.	อรุณสวัสดิ์ครับ คุณแดเนี่ยล
A: Apa khabar?	สบายดีไหมครับ
B: Khabar baik, terima kasih.	สบายดี ขอบคุณครับ
A. Encik apa khabar?	คุณล่ะ เป็นอย่างไรบ้าง
B: Saya khabar baik. Terima kasih.	ผมสบายดี ขอบคุณครับ

2.3 Sapaan pada Kesempatan/ Hari Tertentu

การกล่าวทักทายในโอกาสต่างๆ โดยปกติแล้ว จะกล่าวทักทายกันในช่วงที่มีเทศกาลเหล่านั้นขึ้น
Selain sapaan yang kita lakukan setiap hari, terdapat juga sapaan yang perlu kita ucapkan pada kesempatan tertentu.

- Selamat tahun baru สวัสดีปีใหม่
- Selamat hari raya สุขสันต์วันอีด
- Selamat pengantin baru สุขสันต์วันแต่งงาน
- Selamat hari ulang tahun สุขสันต์วันครบรอบแต่งงาน

Contoh: Perbualan1

A: Selamat tahun baru.
B: Selamat tahun baru.
A: Apa khabar?
B: Khabar baik.

Contoh: Perbualan 2

A: Selamat pengantin baru.
B: Terima kasih
A: Apa khabar?
B: Khabar baik.

Memo. 1

-Sapaan pada tempoh masa tertentu.

Selamat pagi

Selamat tengah hari

Selamat petang

Selamt malam

Memo. 2

Apabila ditanya khabar kita boleh memberi jawapan berbagai-bagai mengikut situasi seperti

A tanya : Apa khabar?

B jawap: Khabar baik

Saya kurang sihat.

Saya tidak sihat.

Saya tidak berapa sihat.

Saya demam.

Saya .....

Memo. 3

Penggunaan kata ganti nama

- Encik = Kata ganti nama boleh diguna di depan nama orang lelaki sama ada yang sudah berkahwin atau belum berkahwin. Seperti Encik Kamal, Encik Somsak.

Encik (นาย)

- คำสรรพนามบุรุษที่ 2 แทน นาย ใช้นำหน้าชื่อผู้ชายทั้งที่แต่งงานแล้วและยังไม่แต่งงาน
- Cik = Kata ganti nama boleh diguna di depan nama orang perempuan yang belum berkahwin. Seperti Cik Amina, Cik Latifah, Cik Sunita.

Cik (นางสาว)

- คำสรรพนามบุรุษที่ 2 แทน นางสาว ใช้นำหน้าชื่อผู้หญิงที่โสด
- Puan= Kata ganti nama boleh diguna di depan nama orang perempuan yang sudah berkahwin. Seperti Puan Mariyam, Puan Sunita.

Puan (นาง)

- คำสรรพนามบุรุษที่ 2 แทน นาง ใช้นำหน้าชื่อผู้หญิงที่แต่งงานแล้ว

Aktiviti: arah pelajar melakukan aktiviti secara berkelompak dengan mengimejinasikan satu perbualan di antara kawan yang baru dikenali.

KATA GANTI NAMA

1. Kata Ganti Diri

Kata Ganti Diri	Contoh
Pertama : Menggantikan nama orang yang bercakap	aku, beta, patik, kita, kami, hamba
Kedua: Menggantikan nama orang yang diajak bercakap	anda, awak, engkau, kamu, saudara/ri, kalian, tuanku
Ketiga : Menggantikan orang yang diperkatakan	dia, mereka, ia, -nya, baginda, beliau

2. Kata Ganti Tanya





Aktiviti: Kata Ganti Nama Diri

I. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. “Perintahkan Hang Tuah mengadap _____ sekarang juga,” titah Sultan Mahmud.

2. “_____ berdua hendak ke perpustakaan,”kata Somchai dan Somsri kepada Marina.

3. _____ sekeluarga bersiap sedia untuk pulang ke kampung.

4. Jika _____ semua bersatu padu, masalah ini pasti dapat diselesaikan.

5. “_____ harus berkumpul di dewan sekolah tepat pukul 9.00 pagi,” kata Cikgu Ismail kepada murid-murid itu.

6. “ Bolehkah _____ membantu mak cik?”tanya Zaitun kepada wanita tua itu.

7. “_____ pergi ke pameran buku dengan siapa?” tanya Linggam kepada Zamri.

8. Rumah Adilah berdekatan dengan sekolah. _____ berjalan kaki sahaja ke sekolah.

9. “ Mengapakah badan tuan _____ berlumuran dengan darah?” tanya Amir kepada lelaki itu.

10. “ Segala titah _____ telah _____ dilaksanakan,” jelas Datuk Bendahara kepada Sultan .

11. _____ menyimpan wang saku di dalam tabung pemberian ayah.

12. “_____ yang masih belum membayar yuran diminta menjelaskannya sebelum minggu hadapan,” kata ketua darjah kepada kami.

13. “ Manakah kasut yang _____ pilih?” tanya Aizat kepada Patma.

14. “ Aku harap _____ akan berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara,” kata Amin kepada Rosli.

15. Mengapakah _____ digalakkan untuk minum air yang secukupnya?

16. “Bawalah payung ini jika _____ mahu keluar,” kata ibu kepada abang.

17. _____ disayangi oleh rakyat jelata kerana sentiasa menjaga kebajikan rakyat.

18. “ Saya telah membeli kuih ini untuk_____ ,” kata Zurina kepada Maria.

19. “ Bilakah ayah_____ akan berpindah ke Pahang?” Abdulrahman bertanya kepada Asmah.

20. Cikgu Zakir merupakan guru yang disayangi oleh murid-murid. _____ sering membantu murid-murid dalam pelajaran.

Pantun Empat Kerat:

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Budi itu mulia....

UNIT III

Memperkenalkan Diri dan Orang Lain

3.1 Perbualan untuk Memperkenalkan Diri Sendiri

การทำความรู้จักโดยการแนะนำตัวเอง แบบสั้นๆเมื่อพบกันเป็นครั้งแรก

Alan: Selamat pagi. Saya Alan. อรุณสวัสดิ์ครับ ผมชื่อ อลัน

Aran: Selamat pagi. Saya Aran. อรุณสวัสดิ์ครับ ผมชื่อ อรัน

Aran: Apa khabar Encik Alan? สบายดีไหมครับคุณอลัน

Alan: Khabar baik. Encik Aran apa khabar? ผมสบายดีครับ คุณอรันล่ะ สบายดีไหม

Aran: Khabar baik. Terima kasih. ผมสบายดีครับ ขอบคุณครับ

3.2 Perbualan Untuk Memperkenalkan Kawan /Orang lain

การแนะนำเพื่อน หรือผู้อื่นให้รู้จักกันอย่างง่ายๆ พร้อมบอกข้อมูลการทำงานอย่างสั้นๆ

Hannan: Sunisa, ini kawan saya, Sofia.

สุนิสา นี่เพื่อนของผม ชื่อ โซเฟีย

Dia sebagai doktor di rumah sakit Yala.

เขาเป็นแพทย์อยู่ที่โรงพยาบาลยะลา

Ini Sunisa , dia sebagai pensyarah di Universiti Rajabhat Yala.

นี่คุณสุนิสา เขาเป็นอาจารย์อยู่ที่มหาวิทยาลัยราชภัฏยะลา

Sunisa: Apa khabar, Puan Sofia?

สบายดีไหมค่ะ คุณโซเฟีย

Sofia: Khabar baik. Terima kasih. Cik Sunisa apa khabar?

สบายดีค่ะ ขอบคุณค่ะ แล้วคุณสุนิสาสบายดีไหมค่ะ

Sunisa: Khabar baik. Terima kasih.

สบายดีค่ะ ขอบคุณค่ะ

3.3 Ayat untuk Memperkenalkan Butiran Diri

ประโยคสำหรับการแนะนำตัวเอง ควรใช้ประโยคต่างๆ ดังนี้ แนะนำตัวเองเพื่อให้คนอื่นหรือคนที่เราเพิ่งทำความรู้จัก ให้ทราบข้อมูลส่วนตัวให้ละเอียดมากขึ้น

Nama saya ...../saya bernama.....

Saya berasal dari kampung.....wilayah.....

Saya belajar di.....

Saya belajar dalam fakulti.....

Saya ambil kursus/jurusan/program.....

Sekarang saya tinggal di.....

Saya berumur.....tahun.

Saya beragama.....

3. 4 Ayat untuk Memperkenalkan Keluarga

Pada kebiasaan apabila bertemu seseorang kita akan tanya tentang keluarga, jumlah ahli keluarga dan siapa sebagai ahli keluarga. Di bawah ini iailah ayat untuk memberitahu tentang butiran keluarga secara ringkas.

โดยปกติเมื่อมีการพบปะกัน อีกหนึ่งหัวข้อที่เรามักจะถามไถ่กันอยู่เสมอ ก็คือเรื่องของครอบครัว อาจจะเป็นการถามถึงสมาชิกในครอบครัวว่ามีกับกี่คน หรือมีใครบ้าง ควรใช้ประโยคต่างๆดังนี้เพื่อแนะนำครอบครัว

Saya mempunyai lima orang ahli keluarga.

Saya mempunyai tiga orang adik-beradik.

Saya mempunyai satu orang abang dan dua orang kakak.

Saya sebagai anak bongsu.

Saya sebagai anak sulung.

Saya sebagai anak yang kedua.

3.5 Ayat Pertanyaan dan Jawapan

Jika ingin mendapatkan butiran peribadi seseorang kadang-kadang kita perlu ada juga yang diberitahu dengan tidak perlu tanya. Apapun keadaan, kita perlu tahu bagaimana bentuk soalan yang betul dan agak sopan jika ingin tanya sesuatu perkara tentang peribadi seseorang. Berikut adalah beberapa pertanyaan dan jawapan tentang butiran peribadi.

Pertanyaan	Jawapan
Siapa nama anda?	Nama saya Latifah.
Apakah pekerjaaan anda?	Saya bekerja sebagai jururawat.
Anda bekerja di mana?	Saya bekerja di rumah sakit Yala.
Anda berasal dari mana?	Saya berasal dari Yaha.
Sekarang anda tinggal di mana?	Sekarang saya tinggal di rumah sewa di Bandar Yala.

3.6 Perbualan

Anan: Selamat pagi. อรุณสวัสดิ์ครับ/ค่ะ

Arif: Selamat pagi. อรุณสวัสดิ์ครับ/ค่ะ

Anan: Apa khabar? สบายดีไหมครับ/ค่ะ

Arif: Khabar baik, terima kasih. สบายดีครับ ขอบคุณครับ

Anan: Saya Anan. Saya berasal dari Yala.

ผมชื่ออนันต์ ภูมิลำเนาเดิมผมจากยะลา

Arif: Nama saya Arif. Saya berasal dari Malaysia.

ผมชื่ออารีฟ ภูมิลำเนาเดิมผมจากมาเลเซ๊ย

Anan: Saya sebagai juruterbang antara Bangkok dan Hadyai.

ผมมีอาชีพเป็นนักบินระหว่างกรุงเทพฯกับหาดใหญ่

Arif: Saya bekerja sebagai arkitek. Sekarang saya sedang bercuti di sini (Pattaya).

ผมมีอาชีพเป็นนักสถาปนิก ตอนนี้ผมมาพักผ่อนที่นี่ (พัทยา)

Pernahkah encik ke Kuala Lumpur?

คุณเคยไปกรุงกัวลาลัมเปอร์ไหมครับ

Anan: Belum pernah. Saya ingin juga ke Kuala Lumpur.
ยังไม่เคยไป ผมอยากไปกรุงกัวลาลัมเปอร์อยู่เหมือนกัน

Arif: Baguslah. Kalau encik pergi ke Kuala Lumpur, telefonlah kepada saya.
ดีสิ ถ้าคุณไปกรุงกัวลาลัมเปอร์ ช่วยโทรหาผมหน่อยนะ
Nah, ini kad nama saya.
นี่ นามบัตรของผม

Anan: Terima kasih, encik. Ini kad nama saya.
ขอบคุณครับ และนี่เป็นนามบัตรของผม
Kalau encik ke Hadyai, jangan lupa telefon saya,ya.
ถ้าคุณไปหาดใหญ่ อย่าลืมโทรหาผมด้วยน่ะ
Pernahkah encik pergi ke Hadyai?
คุณเคยไปหาดใหญ่หรือยังครับ

Arif: Ya, saya pernah ke sana.
ผมเคยไปที่นั่นแล้วครับ
Saya ada saudara - mara di sana.
ผมมีญาติอยู่ที่นั่น

Anan: Maaf,encik.
ขอโทษครับ
Saya nak membeli-belah di Robinson.
ผมจะไปช้อปปิ้งที่โรบินสัน
Saya minta diri dahulu,ya. Selamat jalan.
ผมต้องขอตัวก่อนนะ ลาก่อนครับ

Arif : Selamat jalan. Jumpa lagi.
ลาก่อนครับ หวังว่าคงจะได้พบกันอีก

Memo. 1

Penggunaan ayat untuk bagitahu pekerjaan ibu, bapa atau sesiapa sahaja perlu berhati-hati iaitu mesti mengguna perkataan " sebagai" bukan perkataan "jadi" atau "menjadi"

Contoh:

A: Apakah pekerjaan bapa anda?

B: Bapa saya bekerja sebagai guru (betul)

Bapa saya jadi guru (salah)

Memo. 2

Dalam memperkenalkan diri sendiri atau orang lain, boleh kita bagitahu tentang agama, namun perlu berhati-hati dan saling menghormati antara satu sama lain kerana setiap orang mempunyai kepercayaan agama yang berbeza dan perlu ingat bahawa individu bebas untuk memilih agama masing-masing.

Memo 3

Kosa kata

Bahasa Melayu	Bahasa Thai	Bahasa Melayu	Bahasa Thai
Datuk	ปู่/ตา	Sulung	คนโต
Nenek	ย่า/ยาย	Bongsu	คนสุดท้อง
Ayah/Bapa	พ่อ	Abang	พี่ชาย
Ibu,emak/mak	แม่	Adik	น้อง
Anak	ลูก	Kakak	พี่สาว
Cucu	หลาน	Abang long	พี่ชายคนโต
Cicit	เหลน	Abang/kakak sulung	พี่ชาย/พี่สาวคนโต
Ibu/emak saudara	ป้า น้า อา	Tiri	(พ่อ แม่ ลูก)เลี้ยง
Bapa/ayah saudara	ลุง น้า อา	Anak tiri	ลูกเลี้ยง
Anak saudara	หลาน	Ibu tiri	แม่เลี้ยง
Bapa mertua	พ่อตา	Bapa tiri	พ่อเลียง
Ibu mertua	แม่ยาย	Biras	คู่เขย คู่สะใภ้
Ipar	เขย สะใภ้	Sepupu	ลูกพี่ลูกน้อง
Kakak ipar	พี่สะใภ้	Suami	สามี
Abang ipar	พี่เขย	Isteri	ภรรยา
Anak tunggal	ลูกคนเดียว	Menantu	ลูกเขย ลูกสะใภ้
Besan	ความสัมพันธ์หรือเกี่ยวดองกันระหว่างบิดามารดาของคู่สมรส		

Aktiviti: cuba jelaskan ahli keluarga anda dengan mengguna pemetaan atau carta seperti di bawah ini:



Tatabahasa

Kata Nama

Kata nama ialah golongan kata yang merujuk orang, haiwan, benda, tempat dan sebagainya.

Jenis kata nama

1. **Kata nama khas** : Merujuk perkara yang khusus sifatnya. Huruf pertama mesti ditulis dengan huruf besar.
2. **Kata nama am** : Merujuk perkara yang umum sifatnya.
3. **Kata ganti nama** : Terbahagi kepada kata ganti nama diri, kata ganti tunjuk, kata ganti tanya, kata ganti tempat, dan kata ganti tak tentu.





Aktiviti:

I. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Dalam cerita-cerita zaman dahulu, Sang Kancil ialah seekor _____ yang pintar.
a. orang b. haiwan c. makhluk d. ternakan

2. Kebanyakan penduduk di Kampung Merbau bersawah _____.
a. kelapa sawit b. bunga c. getah d. padi

3. Banyak makan _____ bererti banyak pengalaman hidup.
a. hati b. ubat c. gula d. garam

4. _____ ialah hasil kraf tangan Malaysia yang diminati oleh para pelancong.
a. Batik b. Dodol c.Gamelan d. Tarian Inang

5. _____ Puan Suziana yang kemas dan cantik itu menarik perhatian saya.
a. Nyanyian b. Masakan c. Pakaian d. Tarian

6. _____ itu terlalu kacak jika dibandingkan dengan adik-beradiknya yang lain.
a. Gadis b. Wanita c. Pemudi d. Pemuda

7. Pakaiannya yang celorong-celoreng itu menampakkan dia seorang _____.
a. doktor b. perwira c. mekanik d. pemandu

8. Mereka selalunya bermesyuarat di _____.
a. bilik gerakan b. bilik bacaan c. bilik stor d. bilik air

9. Sebahagian _____ tingkap rumah Nenek Mah telah reput.
a.sumpah-sumpah b. angkut-angkut c.kisi-kisi d. api-api

10. Mak Leha sedang menuang air ke dalam _____ itu.
a. labu-labu b. kisi-kisi c. dekak-dekak d. kuda-kuda

11. _____ cemerlang itu terpilih untuk menyambung pelajaran ke Jepun.
a. Budak-budak b. Kanak-kanak c. Lelaki-lelaki d. Pelajar-pelajar

12. _____ di lembah itu sangat sesuai untuk tanaman padi.

a. Batu-batan b. Tanah-tanih c. Bukit-bukau d. Kayu-kayan

13. Meja kayu jati yang antik itu diletakkan di _____ ruang tamu.
a. dalam b. bawah c. tengah d. atas

14. _____ yang telah busuk itu dibuang ke dalam tong sampah.
a. Buah-buah b. Buku-buku c. Bekas-bekas d. Barang-barang

15. Setiap petang, adik Lela bermain buaian dengan kawan-kawannya di _____pokok rambutan.
a. tepi b. atas c. bawah d. belakang

UNIT IV

Ucapan Terima Kasih, Tahniah dan Takziah

4.1 Ucapan Terima Kasih

Ucapan “terima kasih” digunakan ketika ada orang membantu kita, ketika diberi izin untuk melakukan sesuatu. Ucapan “terima kasih” merupakan salah satu budi bahasa yang sangat baik dan perlu dilakukan sehingga jadi kebiasaan.

การกล่าวคำขอบคุณจะใช้เมื่อเราได้รับความช่วยเหลือ คำแนะนำ หรือได้รับอนุญาตให้สามารถทำบางสิ่งบางอย่าง และถือว่าเป็นมารยาททางสังคมที่ดีงาม และเราควรปฏิบัติจนติดเป็นนิสัย

Contoh ucapan terima kasih:

- Terima kasih kerana sudi membantu saya.
- Terima kasih kerana tolong jaga kucing saya.
- Terima kasih kerana belanja makan kepada saya.
- Terima kasih kerana memberi izin saya pergi.
- Terima kasih untuk hadiah.

Ucapan balas ketika diterima kasih ialah perkataan

“sama-sama”.

เมื่อมีการขอบคุณใครสักคน ในภาษามลายูนั้นเราต้องตอบกลับไปเป็นมารยาทว่า

“ด้วยความยินดีครับ/ค่ะ” “sama-sama”.

Contoh **perbualan**

A :	Ini hadiah untuk encik.	นี่คือของขวัญสำคัญคุณ
B :	Terima kasih untuk hadiah.	ขอบคุณสำหรับของขวัญครับ
A:	Sama-sama.	ด้วยความยินดีอย่างยิ่งครับ

4.2 Ucapan Tahniah/Syabas

Ucapan tahniah/syabas diucapkan ketika seseorang mendapat sesuatu yang dianggap perkara baik, mencapai sesuatu cita-cita, dianugerah pangkat, dinaik pangkat atau jawatan, menang pertandingan dan lain-lain.

คำว่า Tahniah/Syabas ใช้เพื่อแสดงความยินดี กับบุคคลที่ได้รับบางสิ่ง บางอย่างซึ่งถือว่าเป็นเรื่องที่ดี และน่ายินดีด้วย เช่น เมื่อเขาสมปรารถนาในสิ่งที่เขาใฝ่ฝัน เมื่อเขาได้รับรางวัล เป็นผู้ชนะการแข่งขันและอื่นๆ การแสดงความยินดีถือเป็นมารยาทที่ดีในการเชื่อมความสัมพันธ์ให้กระชับแน่นแฟ้นดียิ่งขึ้น

Contoh **ucapan tahniah/syabas**

- Tahniah kerana dinaik pangkat.
- Tahniah kerana diberi jawatan baru yang lebih tinggi.
- Tahniah kerana diizin cuti panjang.
- Syabas kerana anda menang hadiah pertama.
- Syabas kerana anda dapat johan pertandingan kali ini.
- Syabas kerana anda jadi juara bola sepak kali ini.

4.3 Ucapan Takziah

Ucapan takziah digunakan apabila ingin memperlihatkan simpati terhadap seseorang terutama kepada orang yang kehilangan/kematian ahli keluarga atau saudara-mara. Ada juga perkataan ini digunakan untuk menyatakan kesedihan dan turut berdukacita dengan kejadian buruk yang timpa seseorang.

การแสดงความเสียใจในภาษามลายูจะใช้คำว่า Takziah เพื่อกล่าวแก่ครอบครัวที่สูญเสียสมาชิกในครอบครัว รวมทั้งการแสดงออกถึงความรู้สึกเสียใจ กับครอบครัวที่ประสบเหตุการณ์ที่ร้ายแรงแต่ไม่ถึงขั้นสูญเสียชีวิต

Contoh ucapan takziah

- Takziah kepada keluarga Allahyarham Abidin (kerana kehilangan ketua keluarga dalam kejadian bencana alam semalam).
- Takziah atas kematian/kehilangan ibu encik.
- Takziah kerana anak puan meninggal dunia (dalam kemalangan jalan raya itu).

4.4 Perbualan

บทสนทนาเกี่ยวกับการใช้คำขอบคุณ การแสดงความยินดี และการแสดงความเสียใจ

Puan : Selamat petang, Cik Laila.

Laila : Selamat petang, puan.

Puan : Apa khabar?

Laila : Baik-baik. Tahniah kerana puan dianugerah hadiah “Ibu Mithali”.

Puan : Terima kasih.

Laila : Sama-sama.

Puan : Takziah atas kematian ibumu.

Laila : Terima kasih.

Puan : Sama-sama. Minta diri dahulu. Jumpa lagi.

Laila : Jumpa lagi.

Tatabahasa

Kata Bantu

Kata bantu, yang hanya hadir sebelum frasa, ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama, iaitu dengan menimbulkan makna tambahan dari segi aspek waktu.



1. Kata bantu aspek

Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu sama ada masa lampau, masa kini, atau masa hadapan. Bentuk-bentuk kata bantu ialah *telah, baru, pernah, sedang, masih, akan, mula,* dan *belum* yang masing-masingnya digunakan seperti yang terdapat dalam ayat berikut. Contohnya:

- Pekerja itu *telah* pulang.
- Murid-murid itu *baru* tiba.
- Kami *pernah* ke utara Malaysia.
- Guru besar *sedang* menyiapkan laporan itu.

2. Kata bantu ragam

Kata bantu ragam ialah bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan, seperti *hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, enggan, patut,* dan *mungkin*. Contohnya:

- Kanak-kanak itu *hendak* masuk ke bilik.
- Ramai pemuda kini *mahu* bekerja sendiri.
- Mereka *mesti* ke pejabat segera.
- Awak *harus* cepat supaya tidak ketinggalan bas.

Aktiviti

I. **Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.**

KETERANGAN: Kata yang digunakan untuk menerangkan kata kerja yang hadir sebelum kata kerja, iaitu *sudah, telah, pernah, sedang, masih, belum , akan*

1. Kerja-kerja membangunkan kawasan taman sains itu_____siap sebulan yang lalu

2. Kita_____berhati-hati semasa melintas jalan raya.

3. “Jangan sekali-kali minum air yang_____dimasak,” pesan Cikgu Azizah

4. Semua bangku di taman itu_____digantikan dengan yang baharu tidak lama lagi.

5. Sekiranya kita_____berjaya, kita mestilah meningkatkan usaha dengan banyak mengulang kaji pelajaran.

6. Walaupun sudah pulih tetapi dia_____belum boleh berjalan dengan baik.

7. Ayah _____ke KualaLumpur pada bulan hadapan.

8. Kita_____lah bijak memilih kawan sekiranya kita ingin berjaya.

9. Semua pendatang tanpa izin_____dihantar ke negara asal mereka pada bulan depan.

10. Nur Fasihah_____ mengulang kaji pelajaran di dalam biliknya.

11. Datuk_____belum sedar ketika kami menziarahinya di hospital.

12. Buah mangga ini _____dibasuh sebelum dimakan.

13. Puan Maznah_____menuntut di Universiti Sains Malaysia dalam bidang perubatan.

14. Kamu_____berhati-hati ketika melalui jalan yang licin itu.

15. Saya_____cuba memujuk adik yang sedang menangis itu.

16. Kakak saya_____dinaikkan pangkat pada tahun hadapan.

17.Ayah_____membaca surat khabar semasa berkelah di Pantai Cahaya Bulan.

18.Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya_____melawat ke Pulau Langkawi pada cuti persekolahan nanti.

19. Anisah_____mengikuti ayahnya pergi ke Pantai Cahaya Bulan.

20. Bas itu dijangka_____tiba dari Pulau Pinang pada pukul 2.00 petang.

Kata Nafi (คำที่ใช้เพื่อปฏิเสธความหมาย)

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (Nik Safiah Karim et. al: 2004 : 249) kata nafi ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif dan Frasa Sendi Nama. Ada dua bentuk kata nafi, iaitu bukan dan tidak.

Kata nafi ialah perkataan yang digunakan untuk menafikan atau menidakkan sesuatu
(Sulaiman Masridan Ahmad Khair Mohd Nor, 2002 : 67). **Kata nafi** terdiri daripada **Bukan** dan **tidak**

Kata nafi *bukan* hadir di hadapan frasa atau kata nama dan frasa atau kata sendi nama, seperti ternyata dalam contoh yang berikut:

1. Encik Ahmad *bukan* guru sukan kami.
2. Dia *bukan* dari sekolah asrama penuh.

Kata nafi *tidak* pula hadir dalam ayat yang frasa predikatnya terdiri daripada frasa / kata kerja dan frasa / kata adjektif, seperti dalam contoh yang berikut:

1. Tetamu dia *tidak* datang.
2. Pelajar itu *tidak* cergas sangat.

I. Isi tempat kosong dengan kata nafi yang sesuai.

1. [ ] merokok di tempat awam.
2. Rumah itu [ ] rumah Ahmad.
3. Dia [ ] bekerja di Restoran Medan Selera.
4. Gunung Kinabalu [ ] gunung yang tertinggi di Malaysia.
5. Sungai Petani [ ] ibu negeri Kedah.
6. Muthu [ ] pergi kesekolah kerana demam.

UNIT V

Ucapan Selamat Datang dan Selamat Tinggal

5.1 Ucapan Selamat Datang (การกล่าวต้อนรับ)

Ucapan “selamat datang” diucap untuk memperlihatkan kesudian atau kegembiraan suatu pihak kepada pihak yang lain. Biasanya satu pihak sebagai tuan rumah dan satu pihak yang lain sebagai tetamu.

การกล่าวว่า “ยินดีต้อนรับ” จะถูกล่าวเมื่อได้พบเจอกับผู้ที่มาเยือน ส่วนใหญ่แล้วเจ้าบ้านหรือเจ้าภาพจะเป็นฝ่ายกล่าวคำพูดดังกล่าวแก่แขกผู้มาเยือนหรือมาร่วมงาน เพื่อแสดงความรู้สึกยินดีและดีใจแก่แขกผู้มาเยือน

Contoh ucapan

- Ucapan selamat datang kepada hadirin dalam bilik seminar.
- Ucapan selamat datang kepada pelancong yang memilih negara kita sebagai destinasi pelancongan.
- Ucapan selamat datang kepada tetamu yang datang ke rumah.

Ucap balas terhadap ucapan selamat datang dengan ucapan “**Terima kasih**”.

Contoh perbualan 1

Anisah : Selamat datang ke bilik seminar ini.

Arsiyah : Terima kasih.

Contoh perbualan 2

Hanif : Selamat datang ke negara kami.

Hasan : Terima kasih.

5.2 **Ucapan Selamat Tinggal (กล่าวอำลา)**

Apabila satu pihak selesai berurusan dengan satu pihak yang lain yang ingin beredar/berpisah sepatutnya mengucap ucapan “selamat tinggal”.

เมื่อเสร็จสิ้นธุระหรือสนทนากันเป็นที่เรียบร้อยแล้ว ตามมารยาททางสังคมเราก็จะต้องกล่าวคำอำลาโดยจะใช้สำนวนดังต่อไปนี้

- Selamat tinggal
- Selamat jalan
- Selamat malam

Boleh menggunakan perkataan “minta diri dahulu” sebelum perkataan “selamat tinggal” dan diikuti dengan perkataan “jumpa lagi”.

minta diri dahulu + selamat tinggal + jumpa lagi

Contoh : Saya minta diri dahulu. Selamat tinggal, jumpa lagi.

ในกรณีที่มีการร่ำลากันในตอนกลางคืน เราสามารถพูดคำกล่าวลา ด้วยคำว่า “Selamat malam” หรือ ก่อนจะกล่าวคำอำลาและคำส่งท้าย เราอาจจะกล่าวเกริ่นออกไปในความหมายว่า “เห็นทีจะต้องไปแล้วล่ะ” หลังจากนั้น ก็ต่อด้วยกลุ่มคำว่า “Jumpa lagi” หมายถึง “เจอกันใหม่”

ขอตัวก่อน + คำอำลา + เจอกันใหม่

Minta diri dahulu + selamat malam + jumpa lagi

Contoh : Saya minta diri dahulu. Selamat malam, jumpa lagi.

Memo 1

เมื่ออีกฝ่ายกล่าวคำว่า “jumpa lagi” ตามมารยาทแล้ว อีกฝ่ายก็ต้องกล่าวตอบกลับด้วยคำว่า “jumpa lagi”

Contoh perbualan 1

Zamri : Sekarang tiba masa terlepas. Saya minta diri dahulu. Selamat tinggal, jumpa lagi.

Fairuz : Selamat tinggal atau selamat jalan, jumpa lagi.

Contoh perbualan 2

Zaitun : Sekarang sudah lewat malam, saya minta diri dahulu. Selamat malam, jumpa lagi.

Fatima : Selamat malam, jumpa lagi.

Perbualan 3

Anan : Selamat malam, Encik Tanat.

Tanat : Selamat malam, Encik Tanat.

Anan : Apa khabar?

Tanat : Khabar baik, Encik Anan?

Anan : Khabar baik.

Tanat : Encik Anan datang ke rumah anak yatim ini mesti ada urusan penting. Encik ada urusan apakah?

Anan : Saya ada hasrat untuk menderma sebahagian harta saya kepada tabung rumah anak yatim di sini.

Tanat : Terima kasih atas budi baik, Encik Anan.

Anan : Sama-sama. Sudah selesai urusan saya, saya minta diri dahulu. Selamat tinggal, jumpa lagi.

Tanat : Selamat jalan, jumpa lagi.

Perbualan 4

การกล่าวคำอำลาระหว่างโซเฟียกับโซเนีย หลังจากกลับการรับประทานมื้อค่ำด้วยกัน โซเฟียไปส่งโซเนียที่บ้าน

Tatabahasa

KATA KERJA

Kata kerja transitif

Mesti disertai objek atau kata nama

Azwan sedang ***menendang bola*** di padang.

Datuk ***mengayuh basikal*** perlahan-lahan

Qaisara sedang beratur hendak ***menaiki bus.***

Kakak **mencuci pakaian** sekolahnya.

Kata Kerja tak Transitif

- Dapat berdiri sendiri dalam ayat.
- Terbahagi kepada kata kerja tak transitif pelengkap dan kata kerja tak

Abang sedang ***makan***.

Bangunan itu sedang ***runtuh***.

Bayi itu sedang ***tidur***.

Pengemis itu tidur ***berselimutkan*** surat khabar.

Aktiviti:

I. Lengkapkan dialog di bawah ini dengan menggunakan penanda wacana yang betul.

Tambahan pula	Oleh sebab itu
Selain itu	Lebih-lebih lagi

Encik Bahar : Keadaan kampung kita ini sangat kotor.1._____,

kita perlu mengadakan kerja secara gotong-royong.

Encik Siva : Saya setuju dengan cadangan itu. Kita dapat membersihkan kawasan kediaman.

2._____, dapatlah kita berkenalan dengan jiran yang lain.

Encik Leong : Ah, malaslah saya! Saya tidak ada masa untuk menyertainya.

3._____, kegiatan ini membuang masa.

Encik Siva : Apa salahnya kita bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman kita. Lagipun keadaannya kotor. 4. _____, sekarang ini demam denggi semakin merebak.

II. Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Latihan kata kerja...

1. Amir _____kesakitan apabila doktor mencuci lukanya.

a. merintih b. mengeluh c. mengenang d. mengerang

2. Badan Nabilah_____kerana ketakutan.

a. menggeliat b. menggeletar c. menggelupur d. menggelepar

3. Pengemis itu _____oleh pekerja restoran tersebut.

a. dihalang b. dibuang c. dihalau d. ditindas

4. Mak Cik Hasnah sedang _____bawang di dapur.

a. menumbuk b.mengetuk c. memukul d. memalu

5. Ibu _____kelapa untuk mendapatkan santannya.

a. memicit b. melenyek c. memerah d. menindih

6. Anak ayam lari bertempiaran apabila seekor helang cuba _____.

a. merenggut b. menyambar c. merampas d. mengambil

7. Persatuan Seni Lukis Sekolah Kebangsaan Seri Langkap akan _____pameran lukisan.

a. melaksanakan b. menjalankan c. mengadakan d. melahirkan

8. Kampung Berlian dan Kampung Permata _____oleh sebatang sungai.

a. terbelah b. terpisah c. terpecah d. terbahagi

9. Ular sawa itu _____ seekor kambing.

a. melulur b. meneguk c. mengunyah d. menghisap

10. Sebelum sesuatu aktiviti dijalankan kita perlulah _____nya terlebih dahulu.

a. merancang b. menimbang c. melaksana d. melihat

11. Lilian ..... buku cerita yang dipinjamnya kepada Tan.

a. memberikan b. menyerahkan c. memulangkan d. menghulurkan

12. Peniaga itu .....keuntungan dengan mengenakan harga jualan yang tinggi kepada pelanggan-pelanggannya.

a. meraih b. mencapai c. mengumpul d. mengais

13. Mulut adik ..... semasa mendengar cerita yang disampaikan oleh nenek.

a. tertutup b. tersengih c. terlopong d. terkatup

14. Fauzan ..... kedatangan Encik Azam ke rumahnya dengan ramah.

a. menunggu b. menyambut c. mengajak d. menanti

15. Banduan itu terpaksa ..... di penjara selama lima tahun akibat kesalahan mencuri.

a. menetap b. menginap c. meringkuk d. menumpang

UNIT VI

Ucapan Memohon Izin dan Maaf

6.1 Permohonan Izin

Permohonan izin dalam bahasa Melayu boleh digunakan perkataan “boleh”, “izinkan”, dan boleh digunakan frasa “minta izin” dan “mohon izin”, contoh:

1. Boleh saya duduk?
2. Boleh saya Tanya?
3. Boleh saya pergi?

4. Izinkan saya membaca surat anda.
5. Izinkan saya bercakap dengan anak anda.
6. Izinkan membaca pantun.

7. Saya minta izin balik sekejab.
8. Saya minta izin keluar untuk ke tandas.
9. Saya minta izin bercakap dengan tuan sekejab.

10. Saya mohon izin turun ke lapangan pada minggu hadapan.
11. Saya mohon izin cuti musim panas 20 hari.
12. Saya mohon izin untuk ke luar negara.

การที่เราได้ขออนุญาตบุคคลอื่นก่อนที่เราจะทำอะไร ถือเป็นการเคารพสิทธิของผู้อื่น และแสดงถึงความเกรงใจซึ่งกันและกัน โดยเราจะถือว่าเป็นมารยาทที่ดีและงดงามที่คนในสังคมควรมีให้แก่กัน

5.2 Memohon maaf

คนเราอาจจะทำผิดพลาดกันได้ และเมื่อใดก็ตามที่เราได้ทำอะไรผิดพลาดไป การกล่าวคำขอโทษเป็นสิ่งที่ควรกระทำเป็นอย่างยิ่ง ในภาษามลายูใช้สำนวนในการเอ่ยคำขอโทษ ดังนี้

- Maafkan saya
- Momohon maaf
- Minta maaf

Contoh: ucapan memohon maaf

- Maafkan saya kerana terkasar bahasa.
- Maafkan saya kerana lewat datang.
- Saya minta maaf terhadap tindakan adik saya.
- Saya minta maaf kerana tidak dapat hadir majlis kenduri.
- Saya mohon maaf di atas di atas kesilapan saya.

5.3 กรณีขอขัดจังหวะ ขอรบกวน

Contoh: ucapan

- Maafkan saya, boleh saya masuk?
- Maafkan saya, boleh saya tumpang tanya jalan?
- Maafkan saya, tolong ambilkan buah mangga itu kepada saya.
- Maafkan saya, minta lalu jalan sedikit.
- Maafkan saya, boleh saya mengesyor tentang hal ini?

5.4 Perbualan

A: Assalamualaikum Warahmatullhi Wabarakatuh

B: Waalaikummusssalam

A: *Izinkan* saya masuk.

B: ye, sila musuk.

A: *Maafkan* saya, kerana saya datang lewat.

B: Ye anda datang lewat hari ini. Kenapa anda datang lewat?

A: Kereta saya kena langgar oleh belia di tepi jalan tadi.

B: Ye ke. Macam mana banyak rosak?

A: Sedikit saja, tapi kami kena pergi ke balai polis untuk selesaikan kes itu.

B: Sekarang kes sudah selesai?

A: Ye, sudah selesai. Bos ada apa dengan saya?

B: Saya ada sedikit tugas untuk anda siapkan dalam minggu ini.

A: Apakah tugas tersebut?

B: Buat satu projek baru untuk berkhidmat kepada kanak-kanak. Ini dokumennya untuk anda mengulangkaji sebagai panduan untuk menyaipkan projek.

A: Saya *minta izin* membaca dokumen secara umum sekejab ye?

B: Silakan baca dan tanya jika ada pertanyaan.

A: *Maafkan* saya bos, saya ingin bertanya, Bilakah tarikhnya dan berapa orang jumlah sasarannya?

B: Pada hujung tahun ini, sasarannya 100 orang.

A: Boleh, Insya Allah, saya akan siapkan projek ini dalam minggu ini.

B: Baiklah.

A: Saya *minta izin* pergi dahulu ye.

B: Ye silakan, terima kasih.

Pantun Ilmu:

Budak-budak berkejar-kejar
Diwaktu senja takut buaya
Kalau kita rajin belajar
Tentu kita akan berjaya.

Kata Adjektif

1. Kata Adjektif atau kata sifat ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu benda, orang, tempat dan sebagainya.

2. Kata Adjektif boleh disertai dengan kata penguat seperti "*sangat*", "*amat*", "*paling*" dan sebagainya.

3. Kata Adjektif boleh dibahagikan kepada jenis-jenis yang berikut:

Jenis	Contoh Kata Adjektif	Contoh Ayat
Sifat / Keadaan	Bijak, sakit, malas, cantik, rajin, sihat	Arilin seorang murid yang **bijak.**
Warna	Merah, putih, kuning, biru, hitam	Bunga mawar itu berwarna **merah.**
Ukuran	Nipis, tinggi, rendah, kecil, besar, tebal	Buku cerita itu sangat **tebal.**
Bentuk	Bulat, bujur, leper, kempis, buncit	Encik Ramli membeli sebuah meja makan berbentuk **bulat.**
Pancaindera	Masin, masam, harum, merdu, licin, busuk	Suara penyanyi itu sungguh **merdu.**
Waktu	Lewat, baru, lama, segera, silam	Harif selalu datang **lewat** ke sekolah.
Jarak	Jauh, dekat, hampir	Rumah Tat Keong **hampir** dengan jeti.
Perasaan	Marah, sayang, rindu, sayu, malu, gembira	Nenek berasa sangat **marah** jika cucu-cucunya bercakap bohong.
Cara	Pantas, deras, lambat, lincah, perlahan	Air sungai mengalir dengan **deras.**
Kekerapan	Selalu, sering, jarang, kerap kali	Mereka **selalu** ke perpustakaan bersama-sama.

Aktiviti:

I.Isikan jawaban yang paling betul.

1. Malam itu sungguh _____ kerana tiada kenderaan yang lalu - lalang.

a. gelap b. nyaman c. hening d. bising

2. Amir sangat _____ kerena mendapat keputusan yang tidak begitu cemerlang dalam UPSR.

a. segan b. benci c. marah d. kecewa

3. Sikap ayah yang _____ memberikan dorongan itu menambahkan lagi semangat saya untuk belajar.

a. lupa b. malu c. jarang d. sering

4. Walaupun datuk Ramli sudah tua, kulitnya masih _____ .

a. tegang b. teguh c. tegap d. tegar

5. Burung bangau mempunyai leher yang _____ .

a.tinggi b. Panjang c. pendek d. rendah

6. Lauk - pauk yang dijual di gerai Mak Midah sedap - sedap belaka walaupun _____ .

a. kelat b. pedas c. pedas d. payau

7. Puan Khoo melabuhkan kain batik anaknya yang kelihatan _____ itu.

a. rendah b. singkat c. tinggi d. sempit

8. Saya tidak akan _____ seandainya dia berterus terang.

A. ragu b. marah c. dendam d. bimbang

9. Pemidato itu agak _____ semasa berhujah.

a. marah b. gembira c. Bimbang d. gementar

10. Petir berdentum dengan _____ menandakan hari hendak hujan.

a. kuat b. rakus c. senyap d. perlahan

II. Berikan lawan kata bagi kata yang bergaris dalam ayat di bawah ini.



1. Mereka sedang membersihkan kawasan di sekitar dewan.

2. Penduduk kampung membaiki dewan itu.

3. Naim <u>mengajak</u> Suresh ke dewan.



4. Kanak-kanak diberi tugas <u>memungut</u> sampah sarap.

5. Kaum wanita melakukan kerja <u>ringan.</u>

UNIT VII

Silaan dan Permintaan

7.1 Ucapan Silaan (การเชื้อเชิญ)

ในชีวิตประจำวัน เราจะสังเกตเห็นได้ว่า มีกิจกรรมทางสังคมต่างๆมากมาย เช่น งานเลี้ยงสร้างสรรค์ การชมการแสดง การชมนิทรรศการ การประกวดแข่งขัน และยังมีบางครั้งที่เราอาจจะมีโอกาสได้พบปะติดต่อกับเพื่อนชาวต่างประเทศ ดังนั้น การกล่าวคำเชื้อเชิญอย่างถูกต้องจึงมีความสำคัญเป็นอย่างยิ่ง ในภาษามลายูจะมีการใช้คำว่า “Sila” และ “Jemput” เพื่อแสดงการเชื้อเชิญมาทำกิจกรรมต่างๆ

Contoh: ucapan

Sila	Sila datang ke sini.
	Sila masuk ke dalam bilik.
	Sila makan.
	Sila minum
	Sila duduk
Jemput	Jemput bagi ceramah
	Jemput hadir kenduri kahwin saya
	Jemput pergi ke rumah saya

7.1.1 การตอบปฏิเสธคำเชื้อเชิญ

บางครั้งผู้ได้รับเชิญ อาจจะไม่สะดวกที่จะไปตามคำเชิญนั้นๆ หรือไม่สะดวก ที่จะทำตามคำเชื้อเชิญได้ แต่อย่างไรก็ตามผู้ได้รับคำเชิญควรกล่าว คำขอบคุณหรือขอโทษ แล้วจึงบอกเหตุผลในการปฏิเสธอย่างสุภาพ เพื่อถนอมน้ำใจซึ่งกันและกัน

Contoh: Perbualan 1

Anas : Saya ingin jemput tuan bagi ceramah pada hari Ahad ini.

Anis : Maafkan saya, saya tidak lapang pada hari itu.

Contoh: Perbualan 2

Dahlan : Sila cuba gulai daging ini.

Darling : Terima kasih. Saya pantang makan daging.

7.2. Ucapan Permintaan (การขอร้อง)

Ayat permintaan ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan memohon atau meminta sesuatu. Ayat permintaan menggunakan kata permintaan seperti minta", "tolong", "harap" dan seumpamanya seperti dalam contoh yang berikut:

(a) **Minta** tuan-tuan hulurkan derma untuk anak-anak yatim.

(b) **Minta** kamu semua bertenang.

(c) **Tolong** tutup pintu depan itu.

(d) **Tolong** taipkan surat itu segera.

(e) **Harap** mereka selamat di perantauan.

Dalam bahasa Melayu ayat permintaan dan ayat silaan membawa makna yang positif sedangkan ayat larangan lazimnya membawa makna yang negatif. Oleh sebab itu kata silaan tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata larangan seperti dalam ayat yang berikut:

(a) * Tolong jangan merokok.

(b) * Minta jangan berludah.

(c) * Sila jangan bising.

(d) * Sila jangan keluar.

(e) * Sila jangan masuk.

Ayat-ayat di atas tidak gramatis kerana makna yang didukungnya bercanggah antara makna yang positif dengan makna yang negatif dalam satu ayat. Ayat-ayat di atas dianggap betul apabila ditulis seperti seperti yang berikut:

(a) Jangan merokok.

(b) Jangan berludah.

(c) Jangan bising.

(d) Jangan keluar.

(e) Jangan masuk.

Tatabahasa

KATA BILANGAN

Kata bilangan digunakan untuk membilang sesuatu.

Kata bilangan tentu : sata, dua, tiga, empat, lima, enam, seratus satu dan sebagainya

Kata bilangan tak tentu : para, beberapa, sesuatu, setengah-setengah dan sebagainya

Kata bilangan pecahan : setengah, separuh, suku, satu perdua dan sebagainya

Kata bilangan himpunan : ratusan, berhari-hari, pelbagai dan sebagainya

Kata bilangan tingkat : pertama, kedua, keseratus, dan sebagainya

Kata bilangan tanya : berapa



Penjodoh Bilangan

Untuk menyebut benda, manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Benda : Almari (buah, deret, baris)

Anting-anting (bentuk, butir, pasang)

Batu (ketul, biji, genggam)

Kain (carik, gulung, helai,lapis)

Manusia : Abang (orang, pasangan)

Cikgu (kumpulan, orang)

Mempelai (pasang)

Polis (angkatan, pasukan, kumpulan



Aktiviti:

I. Pilih jawapan yang paling betul.

1. Ibu Farina membeli dua _____ selendang batik.

   a. keping b. pasang c. helai d. buah

2. Di tepi pantai Pulau Redang ditumbuhi beberapa _____ pohon kelapa.

   a. batang b. potong c. bilah d. rumpun

3. Ayah membeli empat _____ jagung bakar semasa singgah di Rantau Abang.

   a. biji b. tongkol c. batang d. tangkai

4. Azlina menunjukkan beberapa _____ semasa bercuti di Pulau Redang.

   a. helai B. buah c. tangkai d. keping

5. Ayah saudara saya membekalkan se _____ pisang dan beberapa _____ durian.

   a. tandan...biji b. sikat...butir c. buah...tangkai d. tandan...ulas

UNIT VIII

Suruhan dan Larangan (การสั่งและการห้าม)

8.1 Ayat Suruhan

Ayat suruhan ialah ayat yang diucapkan untuk menyampaikan perintah atau arahan atau suruhan. Dalam ayat suruhan subjek ialah kata ganti nama orang kedua, iaitu "awak", "kami, "engkau", dan seumpamanya yang lazimnya digugurkan. Walau bagaimanapun, sekiranya hendak ditegaskan kepada orang yang disuruh itu, subjek kata ganti nama orang kedua itu boleh juga diucapkan.

Contohnya:

(a) Pergi dari sini .

(b) Keluar dari bilik ini

(c) Tangkap penjenayah itu.

(d) Awak ikut jalan ini.

(e) Baca buku itu dengan teliti.

Ayat suruhan boleh memakai partikel "lah" atas tujuan melembutkan suruhan, disamping menegaskan predikat.

Contohnya:

(a) Pergilah dari sini.

(b) Keluarlah dari bilik itu.

(c) Tangkaplah penjenayah itu.

(d) Awak ikutlah jalan ini.

(e) Bacalah buku itu dengan teliti

8.2 Ayat larangan

Ayat larangan ialah ayat yang diucapkan untuk tujuan menghentikan sesuatu perbuatan atau melarang seseorang daripada melakukan sesuatu. Ayat larangan menggunakan kata larangan seperti "jangan", "usah", "tak usah" seperti dalam contoh yang berikut:

(a) Jangan menangis.

(b) Jangan beritahu dia.

(c) Kamu jangan merokok lagi.

(d) Usah pedulikan dia.

(e) Awak tak usah datang lagi.

Ayat larangan di atas dapat dilembutkan lagi dengan memakai partikel "lah" pada kata larangan seperti dalam contoh yang berikut:

(a) Janganlah menangis.

(b) Janganlah beritahu dia.

(c) Kamu janganlah merokok lagi.

(d) Usahlah pedulikan dia.

(e) Awak tak usahlah datang lagi.

Terdapat juga ayat larangan yang bersifat umum yang tidak boleh memakai partikel pelembut "lah" Contohnya:

(a) Dilarang merokok.

(b) Ditegah berludah.

(c) Dilarang masuk.

KATA PERINTAH



Tatabahasa

KATA SENDI NAMA

KATA SENDI NAMA ialah kata yang digunakan bersama-sama dengan frasa nama untuk menghubungkannya dengan perkataan lain dalam ayat.

Kata sendi	Penggunaannya
di	menunjukkan tempat
ke	menunjukkan tempat, masa, dan benda tidak bernyawa
dari	menunjukkan arah, tempat dan masa
pada	menunjukkan masa, orang, benda, dan haiwan
kepada	digunakan untuk orang
daripada	menunjukkan orang, asal kejadian, perbandingan dan keanggotaan
bagi/untuk	menunjukkan sesuatu yang dibezakan daripada yang lain
akan/kepada/ terhadap	selepas kata yang menyatakan perasaan atau sikap
demi	menyatakan maksud tujuan urutan atau sebagai unsur penegas dalam ungkapan.
tentang	menunjukkan maksud rujukan sesuatu yang tidak tentu atau umum
seperti/bagai/ umpama/laksana	menunjukkan maksud perbandingan
sejak/semenjak	menyatakan bermula dari masa tertentu
oleh	menunjukkan maksud sebab dan pembuat dalam ayat aktif
hingga/sampai	menunjukkan had tertentu atau peringkat

antara/dalam	menunjukkan maksud lingkungan yang tidak mempunyai jarak
dengan	menunjukkan bandingan setara, maksud bersama-sama, keterangan cara dan penggunaan sesuatu sebagai alat

Aktiviti:

I. Garisi kata yang seerti dengan kata di bawah ini.

1. seronok = [ceria, gembira]
2. mengziarahi = [melawat, menjengah]
3. bimbang = [risau, kecewa]
4. keindahan = [keayuan, kecantikan]
5. menjejaskan = [merosakkan, merosot]

II. Isi tempat kosong di bawah ini dengan kata yang betul.

1. _____ pengunjung dapat melihat bahan sejarah di Muzium Terengganu.
2. _____ jenis kraf tangan dijual di Gelanggang Seni.
3. _____ helai kain batik ini untuk Puan Lee.
4. _____ orang kanak-kanak bermain pasir di tepi pantai.
5. Kami mendapat tempat _____ dalam peraduan "Mari Melancong"

III. Isi tempat kosong dengan kata sendi yang sesuai.

1. Mereka datang _____Narathiwat.

2. Buku itu ada _____ atas meja Cikgu Sombat.

3. Ayah Mohammad bekerja _____ Hospital Yala.

4. Somsak menendang bola _____ pintu gol.

5. Keluarga Kitichai akan berpindah _____ Yarang minggu hadapan.

6. Encik Zainuddin berlepas _____ Bangkok pagi tadi.

7. Keluarga Amran berpindah_____ Kampung Yaha ke Bandar Yala.

8. Ibu menyimpan alat-alat yang tajam _____ dalam almari.

9. Kumpulan pelancong itu datang _____ negara Korea dan Jepun.

10. Ayah bekerja _____8.00 pagi hingga 4.30 petang.

UNIT IX
Tahun Baru

TAHUN BARU ISLAM

Tahun baru Islam, 1 Muharram 1435 Hijriah adalah momen tepat bagi segenap kaum muslim untuk memperbaiki diri dan hijrah menuju kebaikan sebagaimana dicontohkan Nabi Muhammad SAW. Satu Muharram merupakan bulan pertama dalam kalender Islam yang menandai penggantian tahun Hijriah. Tahun baru Islam merupakan sarana untuk memperkukuh ukhuwah Islamiah (persaudaraan) sehingga dapat menghindari perpecahan dan perbezaan pemahaman sesama umat muslim.

Tahun Baru Cina merupakan perayaan terpenting orang Cina bagi menyambut tahun baru dalam kalendar qamari Cina. Kalendar qamari Cina terbahagi kepada kitaran 12 tahun dan dinamakan sempena nama haiwan. Tahun Baru Cina melambangkan permulaan, titik permulaan dalam nasib dan kehidupan. Sebelum hari tahun baru bermula, sanak saudara yang jauh akan kembali berkumpul. Rumah akan dicuci dan segala hutang-piutang dikutip atau dibayar agar mereka tidak sentiasa dikelilingi hutang sepanjang tahun yang baru. Mercun dibakar pada tengah malam bagi menandakan bermulanya tahun baru dan bagi menghalau puaka dan nasib malang. Rumah-rumah dihiasi dengan buah limau sebagai simbol murah rezeki, bunga dan pokok limau.

TAHUN BARU CINA

Saat ini, tahun baru 1 Januari telah dijadikan sebagai salah satu hari suci umat Kristian. Namun kenyataannya, tahun baru sudah lama menjadi tradisi sekuler yang menjadikannya sebagai hari cuti umum nasional untuk semua warga Dunia termasuk Negara Thailand sendiri. Pada mulanya perayaan ini dirayakan baik oleh orang Yahudi yang dihitung sejak bulan baru pada akhir September. Selanjutnya menurut kalender Julianus, tahun Romawi dimulai pada tanggal 1 Januari. Paus Gregorius XIII mengubahnya menjadi 1 Januari pada tahun 1582 dan hingga kini seluruh dunia merayakannya pada tanggal tersebut.

TAHUN BARU KERISTIAN

Aktiviti

I. Jawab soalan di bawah ini.

1. Bilakah tahun baru Islam?

Jawab:_____

_____

2. Apakah peranan bulan Muharram tahun baru Islam bagi penganutnya?

Jawab:_____

_____

_____

3. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh orang Cina ketika tahun barunya?

Jawab:_____

_____

_____

4. Bagaimanakah asal-usul timbulnya tahun baru dunia?

Jawab:_____

_____

_____

Gurindum:

Lain hulu lain parang,
Lain dulu lain sekarang.

Renungkanlah.....



II . Bina ayat dengan perkataan tersebut.

1. kalender

_____

_____

2. mercun

_____

_____

3. persaudaraan

_____

_____

UNIT X
Universiti Kita

Universiti kita ditumbuhkan pada 1 Julai 2477 M, pada awalnya dikenali sebagai Maktab Perguruan (วิทยาลัยครู), terletak di kawasan Melayu Bangkok. Pada tahun 2548 M diganti nama sebagai Universiti Rajbaht Yala (มหาวิทยาลัยราภัฏยะลา) atau dikenali sebagai YRU. Kini YRU terletak di tempat 133 , Thedsaban 3, Daerah Meang Yala, Wilayah Yala, 95000.

Warna YRU ialah warna merah jambu dan warna kelabu, warna merah jambu bermakna kasih sayang dan warna kelabu bermakna kebijakan atau simbol pemikiran yang bijak, yakni warna merah jambu dan warna kelabu bermaksudnya berwawasan. Bunga simbol bagi YRU ialah bunga 'Jan Kaphor' (*ดอกจันทร์กะพ้อ*) atau (Vatica diospyroides Syming)

YRU mempunyai 4 fakulti, iaitu Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertanian, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, dan Fakulti Sains Pengurusan/ Management.

Aktiviti:

I . Jawab soalan berikut.

1. Bilakah Universiti Rajabhat Yala ditubuhkan?

Jawab:_____

_____

_____

2. Apakah warna apa yang melambangkan YRU?

Jawab:_____

_____

3. Berapakah fakulti yang wujud dalam YRU, jelaskan?

Jawab:_____

_____

_____

_____

Tatabahasa

Kata Seru

Kata seru ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perasaan seseorang seperti geram, hairan, marah, sakit, cemas, gembira dan sebagainya.

Kata seru digunakan untuk membentuk ayat seruan (mempunyai tanda seru (!) di akhir ayat).

Kata Seru	Penggunaannya
aduh	untuk menyatakan perasaan sakit atau kagum.
aduhai	untuk menyatakan perasan sedih.
ah	untuk menyatakan tidak setuju atau menolah sesuatu.
eh	untuk membayangkan rasa hairan atau terkejut.
hai	untuk menyatakan perasaan hendak menyapa atau menarik perhatian.
nah	untuk menarik perhatian dan berbagai-bagai maksud.
oh	untuk menyatakan perasaan kecewa, hairan terkejut dan sebagainya.
wah /amboi	untuk menyatakan perasaan hairan dan kagum
wahai	untuk menyatakan perasaan sedih atau menarik perhatian

Amboi !
Amboi, merahnya baju awak!

Cis!
Cis, berambus kau dari sini!

Aduh!
Aduh, sakitnya perutku!

Tahniah!
Tahniah, kamu lulus dengan cemerlang!

Wah!
Wah, cantiknya rumah awak!

Nah!
Nah, ambil semula buku kamu!

Eh!
Eh, kamu sudah sampai!

Hai!
Hai, sudah lama kita tidak berjumpa!

I . Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1. “_____, cantik sungguh rumah baru kamu ini! Kata Su Anne kepada Hanna.
a. Aduh b. Eh c. Wah d. Cis

2. _____ , rupa-rupanya aku tertinggal bekalan di rumah!
a. Oh b. Aduh c. Ah d. Cih

3. “_____ , sakitnya gigiku!” Kata Fairuz.
a. Nah b. Aduh b. Wah d. Amboi

4. Pesan Mazlan kepada Borhan “_____ adikku, ingatlah bahawa Peperiksaan UPSR sudah dekat”.
a. Oh b. Wahai c. Amboi d. Aduhai

5. ”_____ , makcik rupa-rupanya!”
a. Hai b. Eh c. Wah d. Cis

6. “_____ , cantiknya bunga-bunga di taman ini !”
a. Ah b. Amboi c. Cis d. Wahai

7. “_____ , anak-anakku, belajarlah bersungguh-sungguh!”
a. Wahai b. Eh c. Amboi d. Aduh

8. ”_____ , aku tak mahu ke sana lagi!”
a. Ah b. Wah c. Hai d. Eh

9. “_____ , saya Munirah! Selamat datang ke sekolah ini.
a. Eh b. Hai c. Oh d. Aduhai

10. ”_____ , sakitnya betisku ini!” kata Wak Leman.
a. Amboi b. Ah c. Aduh d. Cis

UNIT XI
Taman Pru' Bakoi

Taman Phru' Bakoi terletak di Thessaban 1, di kawasan Bandar Yala, mempunyai keluasan sebanyak 207 ekar. Taman ini ditumbuhkan pada 21 Julai 2529 M. Taman Phru' Bakoi merupakan tempat untuk beristirahat, dan banyak aktiviti-aktiviti menarik contohnya; aktiviti pertandingan burung ketitir, perahu kayuh, taman untuk kanak-kanak, tempat untuk bermain layang-layang, gimnesium untuk bersenaman, menunggang kuda, dan terdapat gerai-gerai makanan yang istimewa.

Aktiviti:

I. Sila buat karangan berkenaan tempat menarik di wilayah anda.

Peribahasa



Simpulan Bahasa

Ungkapan yang terdiri daripada dua patah perkataan

contoh: makan angin, panjang tangan, hati batu

Perumpamaan

Membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain

contoh: bagai pahat dengan pemukul, seperti mencurah air ke daun keladi.

Pepatah

Peribahasa berangkap dan terdapat pengulangan kata

contoh berani kerana benar takut kerana salah,
buang yang keruh ambil yang jenih.

Perbandingan

Memberi kiasan terhadap sifat atau keadaan seseorang atau benda secara perbandingan

Contoh: jinak seperti merpati, adil seperti hakim, cerdik seperti kancil.

Bidalan

Peribahasa yang menyatakan maksud yang tersirat di sebalik kata-kata.

Contoh: indah khabar daripada rupa, ukur baju
di badan sendiri.

Aktiviti:

I. Berikan maksud simpulan bahasa di bawah ini.

- orang yang dikasihi oleh ibu bapanya
- pemberian; oleh-oleh
- orang suka mencuri
- anak sendiri
- hasil kerja seseorang

1. Anak kandung : _____
2. Anak emas : _____
3. Bekas tangan : _____
4. Cepat tangan : _____
5. Buah tangan : _____

UNIT XII

Puisi Jasa Ibu Bapa

Jasamu tidak kulupakan
Yang membelai dan menyayangiku
Mendidikku meniti perjalanan hidup
Menunaikan tanggungjawab
Dengan seikhlas hati.

Kata-katamu menjadi pelita
Yang menerangi hidupku
Akan kusimpan khazanah itu
Untuk pedoman hidupku.

Akan kutumpahkan kasih
Akan kusemaikan sayang
Kerana sungguh besar
Jasa dan baktimu kepadaku.

Aku sentiasa berdoa
Agar mereka sentiasa berbahagia
Kututurkan kata-kata yang indah
Agar hatimu gembira
Hidup sentiasa ceria.

Aktiviti

I. Lengkapkan maklumat di bawah ini.

sentiasa berdoa	kata nasihat ibu
mendidikku sehingga berjaya	tidak terbalas olehku

1. Pengorbanan ayah dan ibu _____.
2. Ibu ikhlas _____.
3. _____ dapat dijadikan panduan hidup.
4. Aku akan _____ agar ayah dan ibu sentiasa berbahagia.

Tatabahasa

KATA HUBUNG

Kata hubung ialah kata yang menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa dan ayat dengan ayat.

Kata Hubung Gabungan	Kata Hubung Pancangan	Kata Hubung Berpasangan
atau, dan, lalu, maka, tetapi, serta, kecuali, sambil, malahan, kemudian	agar, apabila, bahawa, jika, hingga, selama, kerana, kalau, sementara, ketika, walaupun, semoga, supaya	baik.....ataupun, baik.....baik, bukan saja.....bahkan juga, jangankan

Aktiviti:

I. Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Kamal menangis tersedu-sedu _____ dipukul oleh abangnya.

a. supaya b. hingga c. kerana d. sementara

2. _____ suaminya meninggal dunia, Puan Aini selalu bersedih.

a. sementara b. semenjak c. walaupun d. sebab

3. Petani itu tekun membajak sawahnya dari pagi _____ ke petang.

a. hingga b. apakala c. melainkan d. sambil

4. _____ demam, dia tidak dapat hadir ke sekolah pada petang ini.

a. Apabila b. Oleh kerana c. Walaupun d. Sungguhpun

5. Penduduk kampung itu terpaksa bekerja bertungkus-lumus _____ menyara keluarganya.

a. supaya b. sebab c. untuk d. kerana

6. Pak Karim berbual-bual kosong _____ menunggu ketibaan para jemputan.

a. sambil b. sementara b. manakala d. apakala

7. Kakinya calar-balar, _____ matanya pula bengkak disengat tebuan.

a. manakala b. lalu c. sambil d. dan

8. Badar terperanjat _____ mendengar berita tentang kematian neneknya yang disayangi.

a. apabila b. sambil c. jika d. kalau

9. “Datanglah ke rumah saya _____ ada kelapangan,” kata Sidik.

a. kalau b. kecuali c. Setelah d. dan

10. Jutawan itu bukan sahaja sombong _____ kedekut pula orangnya.

a. dan b. tetapi c. malahan d. manakala